

04 MAR 2003

MBM-Anugerah

PERTUBUHAN BELIA DIJEMPUT KEMUKA PENCALONAN ANUGERAH BELIA NEGARA 2003

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini meminta supaya semua pertubuhan belia menghantar pencalonan pertubuhan masing-masing serta nama individu yang banyak menyumbang kepada pembangunan belia negara untuk dicalonkan sebagai pemenang dalam pelbagai kategori Anugerah Belia Negara 2003.

Setiausaha Agung MBM, Norizan Sharif berkata pemenang anugerah itu akan diumumkan pada 15 Mei di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini sempena sambutan Hari Belia Negara.

Beliau berkata para pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan melancarkan sambutan tersebut.

"Anugerah Belia Negara diadakan kerajaan bagi memberikan pengiktirafan kepada individu dan pertubuhan yang menunjukkan jasa dan sumbangan yang cemerlang kepada pembangunan belia negara ini," menurutnya dalam satu kenyataan hari ini.

Lima kategori yang dipertandingkan adalah bagi Anugerah Perdana Pertubuhan Belia, Kategori Kepimpinan, Kategori Kemahiran, Kategori Keusahawanan dan Kategori Kesukarelaan.

Norizan berkata Anugerah Perdana Pertubuhan Belia merupakan kategori yang baru diperkenalkan tahun ini yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada pertubuhan belia peringkat daerah, negeri dan kebangsaan yang aktif menyumbang kepada program pembangunan belia di Malaysia.

Katanya bagi kategori itu, sebuah pertubuhan belia terbaik akan dipilih di setiap daerah sebelum pemenang peringkat daerah tersebut dipertandingkan pada peringkat negeri dan kebangsaan.

Beliau berkata maklumat lanjut serta borang permohonan boleh diperolehi di pejabat Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia dan semua Jabatan Belia dan Sukan negeri serta daerah.

Menurutnya panel penilai anugerah itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, manakala beliau sendiri akan bertindak sebagai pengerusi panel penilai bagi Kategori Kesukarelaan.

Tahun lepas, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dipilih sebagai pemenang Anugerah Khas Tokoh Belia Lelaki manakala bekas anggota Parlimen kawasan Kota Baharu, Hajah Illani Datuk Ishak sebagai Tokoh Belia Wanita.

-- BERNAMA

AZH KHY HM